

Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*

Prof. Ulung Dr. Mohd Kamal Hassan, ISTAC, IIUM

Cabaran – Cabaran Semasa Dan Masa Depan Dunia

1. “The Age of Turbulence” (Alan Greenspan, 2008)

Dunia kini sedang menghadapi suatu zaman penuh gelora dan badai, yang bukan sahaja menggongangkan sistem ekonomi dan kewangan global, tetapi juga sistem politik, sistem sosial, sistem budaya dan sistem pendidikan yang telah mengenepikan panduan-panduan hidup beragama. Dunia yang bergelora dengan kemungkinan pencairan ekonomi (economic meltdown) dan skandal-skandal kewangan skala besar – dengan runtuhnya syarikat-syarikat gergasi di Amerika Syarikat dan Eropah – menunjukkan betapa lemahnya sistem nilai, pandangan hidup dan etika pengurusan manusia moden dalam sistem-sistem konvensional yang berpegang kepada kepintaran akal bebas semata-mata.

2. Penyakit Sosial & Budaya yang Semakin Kronik

Suatu gejala penyakit sosial dalam masyarakat Islam yang amat serius dan membimbangkan pemimpin-pemimpin negara dan para ulamak dan cendiakawan Muslim hari ini ialah gejala perhubungan seks bebas, penyalahgunaan dadah, amalan buang bayi hidup-hidup, meningkatnya budaya hiburan yang hedonistik dan jenayah alam siber yang menjadi-jadi. Selain daripada pengaruh hedonisme, masyarakat Islam semakin terdedah kepada aliran pemikiran liberalisme, materialisme dan sekularisme. Disamping itu negara juga berhadapan dengan budaya korupsi yang meluas yang melibatkan golongan pemimpin, golongan atasan, pedagang dan pegawai yang menunjukkan betapa lemahnya sistem integriti bangsa dan sistem perundungan dan keadilan negeri-negeri tersebut.

3. Cabaran Globalisasi dan Modal Insan Melayu Bermutu Tinggi

Berhadapan dengan cabaran-cabaran globalisasi yang menuntut daya persaingan yang kuat, inovatif dan kompetitif, modal insan melayu yang bermutu tinggi, bersepadau, serta syumul untuk menangani tuntutan perubahan zaman amat diperlukan. Antara lain, masyarakat Muslim harus mempunyai keupayaan berdikari, berkarya dan bersaing dengan bangsa lain, keupayaan berbahasa lebih dari satu, keupayaan keusahawanan yang kemaskini, keupayaan berfikir inovatif dan kreatif melalui pengetahuan sains, teknologi dan agama, keupayaan dan kesedaran menjadi warga sosio-ekonomi global tanpa menjaskan jati-diri keMelayuan-kelslamam, kemahiran tinggi dengan akhlak yang terpuji, kesedaran berada dalam persaudaraan Ummat Islam sejagat, persaudaraan kebangsaan dan kemanusiaan sejagat, keupayaan menghargai dan menghormati kejayaan, kemajuan budaya dan agama bangsa-bangsa lain.

*Kertas kerja yang dibentangkan samasa Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia pada 5 Jun 2012 dianjurkan oleh Dewan Amal Islami (DAMAI) bertempat di Kuala Lumpur.

4. Tuntutan Agama Islam di atas Individu, Keluarga dan Masyarakat Islam

Pada masa yang sama masyarakat Islam dituntut oleh agamanya supaya menghayati syahsiah berikut untuk mencapai “Kebaikan di dunia dan Kebaikan di akhirat”:

- 4.1 Beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.
- 4.2 Berilmu, berkepakaran dengan ilmu dunia dan agama secara bersepadu.
- 4.3 Bersyukur kepada Allah SWT diatas segala nikmatnya yang tidak dapat dihitung: (*Qur'an 14:7*).
- 4.4 Bersetia dan atriotik kepada Negara, Pemimpin dan Pemerintah Negara yang menegakkan agama Islam, adil dan jujur dalam menjaga kepentingan rakyat.
- 4.5 Bersabar diatas sebarang musibah atau mala petaka, atau bencana alam, kerana hal-hal negatif itu juga boleh merupakan bentuk-bentuk ujian – *ibtila'* – daripada Allah SWT untuk memberi keinsafan kepada manusia yang lupa kepada peringatanNya.
- 4.6 Bersedia untuk membela kemuliaan Islam dan umat Islam, hukum-hukum Allah SWT dan institusi-institusi yang melaksanakan tuntutan agama Islam.
- 4.7 Bersatu atas dasar akidah *Tawhid* dan *ukhuwwah Islamiyyah*, dengan berpegang teguh kepada “Tali Allah” (*habl Allah*). (*Qur'an 3:103*).
- 4.8 Bertekad untuk menjadi Ummat yang kuat dari segi jasmani, ruhani, intelek, ekonomi, ilmu pengetahuan, sains dan teknologi, sistem pertahanan dan sistem sosial. (*Qur'an 8:60*).
- 4.9 Bersikap percaya diri sebagai orang-orang yang beriman kpd Allah SWT, tanpa merasa rendah diri atau dihinggapi penyakit “*inferiority complex*” apabila berhadapan dengan orang-orang Barat atau Timur yang maju dalam bidang sains dan teknologi.
- 4.10 Berpendirian bebas dan merdeka daripada sebarang usaha, taktik, strategi, tipu helah (*ghurur*) atau perangkap yang diatur oleh musuh-musuh Islam yang berpura-pura mencintai Pemimpin atau Rakyat Negara Umat Islam.
- 4.11 Berkemampuan menjadi *rahmatan li'l-alamin* dengan memberi sumbangan positif (material atau bukan material) kepada bangsa atau negara-negara lain yang beragama Islam atau bukan beragama Islam, dalam menghadapi masalah bersama atau apabila mereka mengalami bencana, musibah atau malapetaka.

- 4.12 Berakhhlak mulia dan beradab dalam keadaan senang atau susah, dengan menjaga tata susila kekeluargaan, kejiraninan, kenegaraan, keantaranbangsaan yang mulia dan disanjung tinggi.

5. Ciri-ciri Besar Pendidikan Yang Islamik

- 5.1 Bedasarkan pandangan semesta *Tauhid*, bahawa alam dan seluruh yang wujud ini ialah ciptaan Allah SWT, Tuhan yang satu-satunya yang berkuasa di dalam kehidupan manusia sebagai HAMBA dan KHALIFAHnya diatas muka bumi.
- 5.2 Kesyumulan (*al-shumul*) dan integrasi (*al-takamu*).
- 5.3 Keseimbangan (*al-tawazun*) antara potensi fizikal, intelek, rohani, emosi dan sosial manusia.
- 5.4 Penekanan kepada kecemerlangan yang menyeluruh berteraskan Iman dan Taqwa kepada Allah, untuk mengelak gejala yang disebut oleh Prof. Harry Lewis, dekan di Universiti Harvard, sebagai “*Excellence without a Soul*” (2006).

6. Kelemahan, Kesalahan dan Kerosakan Dalam Tamadun Moden Kini

- 6.1 Krisis-krisis moral yang serius dalam sistem ekonomi, politik, kemasyarakatan dan budaya dan alam sekitar, semakin terserlah dan mengancam kelangsungan hidup generasi masa depan dan planet bumi sendiri, mempunyai kaitan rapat dengan paradigma ilmu pengetahuan masakini yang dominan selama dua abad (19 dan 20). Suatu paradigma ilmu pengetahuan yang berteraskan pandangan semesta yang bersepada, holistik dan *Tauhidik* perlu diketengahkan, pertama dalam dunia umat Islam sendiri, kemudian kepada masyarakat di luar lingkungan dunia Islam.
- 6.2 Manusia diperintah oleh Allah (S.W.T.) menggunakan akalnya dengan betul, iaitu dengan berpandukan bimbingan wahyu Ilahi dan membersihkan hatinya (*qalb*) daripada unsur-unsur *hawa* dan kecenderungan *shahwah* atau pengaruh bisikan Syaitan dan emosi yang merosakkan kemurnian daya pemikirannya yang mendalam dan analisa yang cermat (*tafakkur*) serta ingatannya (*dhikr*) dan *khasyahnya* kepada Allah (S.W.T.) dalam seluruh kegiatannya. Orang-orang yang melaksanakan tuntutan Ilahi ini digelar sebagai *al-'ulama'*, *al-rasikhuna bi al-'ilm*, *ulu al-albab*, *ulu al-nuha* di dalam al-Qur'an al-Karim.
- 6.3 Tamadun Islam yang diasaskan di atas epistemologi Islam yang meletakkan wahyu Ilahi sebagai sumber ilmu pengetahuan yang tertinggi dan paling berautoriti diikuti oleh akal dan pancaindera sebagai alat-alat yang serasi dan tunduk kepada autoriti wahyu, bermula di Madinah, kemudian berkembang pesat dari bumi Iraq, Syria, Mesir sehingga mencapai kehebatan yang tidak tertanding di dunia di bumi al-Andalus. Tamadun Islam yang tumbuh subur di Baghdad dan di Andalusia selama ratusan tahun ialah tamadun holistik dan *integrated* yang

menggabungkan ilmu-ilmu *naqli* dengan ilmu-ilmu *‘aqli*, dan menyatukan secara harmonis dan sepadu *ilmu agama* dengan *ilmu dunia*.

7. Pengertian Istilah “Pendidikan Islam”

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. Kita melihat bahawa output yang hendak kita keluarkan daripada pendidikan adalah muslim yang memelihara *hablun min al-naas* dan *hablun min Allah*. Manakala outcome yang kita jangkakan adalah setiap warganegara yang melalui sistem pendidikan Islam Negara dapat mengenali peranannya sebagai manusia dan hamba Allah SWT. Dalam hal ini kita mempunyai tugas yang sangat mencabar kerana hasil yang kita lahirkan berkat dengan domain afektif, yang lebih bersifat internal, bersifat subjektif dan kontinuitif (berkesinambungan) di sepanjang hayat, bahkan ukuran sebenarnya akan dinilai oleh Allah SWT. Oleh itu tugas pendidikan Islam tidak terhad kepada Bhg. Pend. Islam sahaja atau di institusi pendidikan agama sahaja malah merentas semua agensi pendidikan dan pentarbiyan yang wujud dalam Negara. Pendidikan harus dimulakan seawal pra sekolah, kanak-kanak, remaja dan berterusan ke peringkat dewasa dan juga pada usia akhir dewasa. Ertinya pendidikan Islam mesti bersifat ‘long learning process’ selaras dengan maksud hadis Rasulullah SAW – *minal mahdi ila lahdī*. Pendidikan Agama Islam tidak ditawarkan secara menyeluruh di peringkat pengajian tinggi apatah lagi kepada mereka yang tidak berada dalam mana-mana institusi pendidikan. Ia semakin ‘kontang’ apabila seseorang telah diusia dewasa. Di peringkat ini peluang pendidikan atau pentarbiyan hanya diperolehi di masjid atau surau, dalam aktiviti berkala atau media masa. Justeru itu kita mendapati bahawa pendidikan Agama Islam lebih terkawal di peringkat awal pendidikan dan semakin ‘loose’ diperingkat usia tinggi. Justeru kita perlu melihat semula penumpuan ini dengan mengisi kekurangan dan memperkemas di beberapa peringkat pendidikan dan pentarbiyan.”

(Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011)

8. Cabaran Semasa

Falsafah Pendidikan Negara dengan jelas bermatlamat untuk membentuk individu yang menyeluruh dan bersepada. Namun demikian malangnya dari segi pelaksanaan, falsafah pendidikan ini tidak dihayati dan diterap sepenuhnya dalam semua mata pelajaran termasuk Pendidikan Agama Islam. Diharap konsep dan nilai-nilai falsafah Pendidikan Islam yang terjalin dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk difahami dan disepakukan semula dalam pengajaran dan pembelajaran tanpa mengorbankan kepentingan kandungan ilmu. Tiba masanya untuk semua pihak menghayati semula matlamat falsafah pendidikan ini supaya tidak mencair dalam perlaksanaan.

Pendidikan Agama Islam sering dianggap sebagai gagal membentuk jiwa yang kental dalam diri umat Islam. Ia mungkin berpunca daripada cara mengajar agama dan watak guru yang tidak sesuai dengan watak murid dan buku-buku teks yang kurang mengambil kira masalah-masalah dan tuntutan-tuntutan semasa.

Kesannya, untuk menghayati akhlak islami dalam kehidupan adalah amat sukar dan mencabar. Justeru usaha yang lebih kuat dan kesungguhan perlu dijana oleh semua pihak yang terlibat dengan pendidikan.”

(Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011)

9. Fokus Kognitif dan Peperiksaan

Dalam sistem pendidikan perdana yang sedang diamalkan kini, Pendidikan Agama Islam diajar sebagai satu matapelajaran akademik. Isu utamanya adalah bagaimanakah matapelajaran ini akan mampu untuk melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh? Matapelajaran ini didapati tidak menekankan kepada penghayatan, justeru penekanan terhadap akademik adalah mengatas ipenekanan terhadap pembinaan ketrampilan diri dan sahsiah pelajar.

Pada umumnya pendidikan agama di sekolah kebangsaan berfokus kepada peperiksaan (*exam-oriented*) dan proses pengajaran dan pembelajaran serta pentaksirannya termasuk lebih menekankan kepada domain kognitif sahaja. Hasilnya umat Islam hanya memiliki daya tahu tetapi kurang daya mahu atau sedar dalam diri mereka. Justeru kerajaan perlu memperbetulkan kelemahan yang ketara ini. Penekanan kepada hafalan teks-teks agama tanpa pemahaman dan penghayatan agama tidak berupaya menjadikan pendidikan agama suatu pendidikan yang membawa transformasi kelakuan dan sosial.

10. Syor Reformasi Pendidikan Islam (*Islah*) di Sekolah-sekolah Kerajaan

- 10.1 Kurikulum Pendidikan Islam, padagoji pendidikan Islam, latihan guru, mutu buku teks, mutu kemudahan dan persekitaran sekolah perlu transformasi menyeluruh, serius dan konsisten untuk mencapai matlamat pendidikan Islam yang bertujuan mencapai “kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat”. Watak guru sebagai *murabbi*, *murshid* dan *muslih* harus dititikberatkan dalam latihan guru-guru. Buku-buku teks agama harus mengandungi isi yang amat relevan dan berguna untuk mengatasi masalah-masalah moral, sosial dan budaya semasa.
- 10.2 Pendidikan Islam secara formal perlu dimulakan seawal prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan berterusan ke peringkat dewasa dan peringkat usia akhir dewasa. Ertinya pendidikan Islam mesti bersifat ‘*long learning process*’ secara berinstitusi.
- 10.3 Penekanan kepada cara hafalan mesti diimbangi dengan penekanan kepada kefahaman dan penghayatan maksud al-Qur'an, hadith atau ajaran agama.
- 10.4 Untuk menjadikan pengajaran dan pendidikan akidah Islam dan akhlak Islam lebih efektif, lebih menarik minat murid dan lebih berdaya tahan, guru-guru agama dan buku-buku teks tersebut boleh dan digalakkan menggunakan teori-teori atau fakta-fakta sains tabi'i yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam, untuk mengukuhkan iman dan akhlak para murid. Penggunaan fakta-fakta sains harus diajar sebagai “*ayat-ayat kauniyyah*” yang ditonjolkan oleh al-Qur'an al-Karim dalam banyak surah.

Begini juga guru-guru sains yang beragama Islam harus mengaitkan ilmu sains yang mereka ajar kepada murid-murid Islam dengan pandangan alam Tauhidik (*Tauhidic Worldview*) yang melihat alam sebagai ciptaan Allah SWT dan hukum alam sebagai hukum Allah yang berlaku mengikut ketentuanNya. Dengan demikian pengajaran sains akan menjadi ilmu bantu untuk menjadikan pendidikan agama lebih efektif dan inovatif.

- 10.5 Sistem pendidikan Islam yang bersepadau dan menyeluruh yang bukan sahaja menekankan kepada bidang akademik sahaja malahan menekankan aspek amalan dan pembentukan syahsiah individu yang beriman, bertaqwa, berilmu, berkemahiran masa kini dan berakhhlak mulia.
- 10.6 Perubahan pesat dalam dunia pendidikan menyebabkan pendekatan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam perlu disesuaikan dengan perkembangan yang berlaku. Kaedah P&P (Pembelajaran dan Pengajaran) pendidikan Islam seperti penggunaan multimedia dalam pendidikan yang menggabungkan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video beserta dengan perisian komputer yang interaktif. Penggabungan pelbagai unsur-unsur multimedia akan mewujudkan satu suasana P&P yang menarik dan interaktif di dalam bilik darjah. Ini diharapkan dapat menggantikan kaedah tradisional dan meningkatkan penglibatan pelajar dalam P&P. Penggunaan multimedia juga boleh menyebabkan perubahan dalam sistem pendidikan seperti kaedah guru mengajar, cara murid belajar, corak pembelajaran, aktiviti pengajaran, budaya sekolah, penilaian dan juga pengurusan pendidikan. Dengan menggunakan teknologi terkini, pelbagai bentuk kaedah inovasi kaedah P&P yang boleh dilakukan oleh guru-guru Pendidikan Islam bagi mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik P&P Pendidikan Islam. (Ab. Halim Tamuri 2011:14).
- 10.7 Pendidikan Islam yang berteraskan keimanan kepada Allah SWT menitikberatkan persoalan dunia dan akhirat. Konsep keimanan kepada Allah SWT memerlukan seperti pendekatan pengajaran akidah bersepadau yang mengaitkan dengan kehidupan seharian manusia, matapelajaran sains, perkembangan teknologi dan kegiatan saintifik. (Ab. Halim Tamuri 2011:17).

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2011). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Greenspan, Alan. (2007). *The Age of Turbulence: Adventures in a New World*. USA: Penguin Press.
- Hidayat, Komaruddin. (2009). *Mereka Bicara Pendidikan*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Lewis, Harry. (2006). *Excellence Without a Soul: How a Great University Forgot Education*. United States: Public Affairs.
- Muhaimin, H. (2006). *Nuansa Baru Pendidikan Islam*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.

Muhammad Zin, Abdullah. (2005). *Pendidikan Islam di Malaysia Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Munzir Hitami, H. (2004). *Mengonsep Kembali Pendidikan Islam*. Riau: Infinite Press.

Purwanto, Agus. (2008). *Ayat-Ayat Semesta Sisi-Sisi Al-Quran Yang Terlupakan*. Bandung: Mizan.

Ramayulis. (2010). *Metodologi Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: Kalam Mulia.

Zahra Al Zeera. (2001). *Wholeness and Holiness in Education an Islamic Perspective*. ISTAC.